

# Tekun pelajari bahasa Inggeris — Mahathir

JM 1 5 010 2000

Oleh FAUZIAH AROF

PUTRAJAYA 18 Dis. — Rakyat Malaysia perlu lebih serius lagi mempelajari bahasa Inggeris memandangkan penguasaan mereka terhadap bahasa tersebut sehingga kini masih lagi di tahap lemah.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kelemahan rakyat menguasai bahasa tersebut akan mengakibatkan negara ketinggalan dan tidak boleh bersaing dengan negara-negara lain.

Beliau berkata, Malaysia dan negara-negara lain di dunia ini tidak boleh hanya mementingkan bahasa kebangsaan masing-masing dengan beranggapan bahasa mereka akan menjadi bahasa antarabangsa pada satu ketika nanti.

“Kita tidak boleh beranggapan seperti itu. Bahasa sesebuah negara hanya akan menjadi bahasa dunia sekiranya negara itu benar-benar ke hadapan, kuat dan maju,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan utama dan menutup Persidangan Antarabangsa Bahasa dan Kesatubangsaan: Menangani Realiti Baru, di Hotel Marriot, di sini hari ini.

Dr. Mahathir menjelaskan, sesebuah negara itu akan mundur jika menolak

bahasa Inggeris kerana ia digunakan dengan meluas dalam perdagangan, hubungan diplomasi dan juga menjadi bahasa Sains dan Teknologi.

Tegasnya, sekiranya ingin dikenali dunia juga, rakyat

Malaysia terutamanya orang Melayu perlu ke hadapan dengan mempelajari bahasa Inggeris.

“Malaysia yang sedang bersaing dengan negara-negara membangun lain tidak boleh ketinggalan untuk me-

nguasai dan menjadi pakar dalam Sains dan Teknologi.

Berhadapan dengan perkembangan tersebut, katanya, Malaysia perlu mempelajari bahasa itu dengan lebih serius lagi.

Katanya, menyedari ke-

pentingan itu Malaysia telah mewajibkan mata pelajar Sains dan matematik diajar dalam bahasa Inggeris.

Lebih 100 kertas kerja dibentangkan dalam seminal tiga hari yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, UKM itu.